

12/07/1997

Draf Kawasan Lindungan Berpaya dibentang 25 Julai

KUALA LUMPUR, Jumaat - Draf akhir pelan membabitkan Kawasan Perlindungan Tanah Berpaya Malaysia di Kuala Langat akan dibentangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor pada 25 Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wetland Malaysia (MWF), Dr Muralee Menon, berkata draf awal sudah dibentang kepada kedua-dua pihak berkuasa berkenaan pada 3 Julai lalu dan mereka berpuas hati dengan program yang dirancang bagi kawasan 5,000 hektar itu.

"Sekarang kita dalam peringkat akhir menyediakan pelan induk projek berkenaan dan dijangka tidak menghadapi masalah untuk menyelesaikannya sebelum 25 Julai ini," katanya.

Pemegang amanah WWF, Tun Daim Zainuddin dan Ahli lembaga pengarahnya, Tan Sri Razali Ismail yang juga Pengerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dijangka hadir pada majlis itu.

Pelan reka bentuk bagi Kawasan Perlindungan Tanah Berpaya Malaysia di Kuala Langat disediakan 52 pakar dalam dan luar negara sejak 9 Jun lalu dan mereka dijangka selesai tugas pada pertengahan Ogos ini.

Kumpulan itu diberi tempoh sembilan minggu bagi menyediakan reka bentuk merangkumi pelbagai aspek membabitkan penjagaan alam sekitar dan kaedah terbaik untuk membaik pulih kawasan berkenaan.

Projek berkenaan yang membabitkan perlindungan alam sekitar terbesar di negara ini dinaungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)